

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

SOALAN NO. 469

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini projek pembinaan Hospital Dungun dan nyatakan tempoh projek tersebut akan siap sepenuhnya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Hospital Dungun berjalan mengikut perancangan seperti yang dijadualkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kerja Raya sebagai Agensi Pelaksana. Berdasarkan kepada status semasa pelaksanaan projek, kemajuan kerja Kontraktor bagi Hospital Dungun sehingga 26 Februari 2019 adalah 76.8 peratus sebenar berbanding jadual 76.9 peratus. Pada masa sekarang, pihak Kontraktor sedang giat melaksanakan kerja-kerja arkitek, kerja-kerja elektrik dan mekanikal serta kerja-kerja luaran (*external works*).

Dari segi penyiapan projek, pembinaan Hospital Dungun dijangka akan disiapkan sepenuhnya pada 28 Ogos 2019. Pihak Kementerian dan Jabatan Kerja Raya selaku Agensi Pelaksana sedang memantau rapi pelaksanaan projek ini agar ia dapat disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.